

## Yang kurang cergas masih diberi peluang ikuti latihan

Berita Harian, 14 February 2000, Page 13

Article also available on Microfilm Reel NL21856

Printer-Friendly Page

# Yang kurang cergas masih diberi peluang ikuti latihan

SILAT OLEH

**YANG** hadir tetapi kurang cergas masih diberikan peluang.

Tetapi yang langsung tidak hadir hilang kesempatan untuk mewakili negara.

Demikian ditegaskan oleh jurulatih silat nasional, Sheik Alauddin, selepas 61 daripada 73 pesilat mengikuti ujian tahap kecergasan Persekutuan Silat Singapura (Persisi) di Persekitaran Rakyat semalam.

"Seramai 73 pesilat sepatutnya mengikuti ujian ini, tetapi yang hadir 61. Tetapi antara yang hadir itu sekitar 15 pesilat, terutama sekali wanita, didapati kurang cergas.

"Bagaimanapun, pesilat itu masih boleh mengikuti latihan kecergasan seterusnya," kata Sheik yang dibantu oleh seorang lagi jurulatih, Jasni Salam, dan para pegawai Persisi.

Tetapi, ujarnya, mereka yang tidak hadir nampaknya telah hilang peluang untuk mewakili negara.

Persisi mengadakan ujian itu, yang antaranya termasuk berlari sejauh 2.4 ki-

lometer, dalam proses membentuk skuad negara untuk musim ini.

"Kami akan meneruskan latihan fizikal dari esok sehingga Isnin depan. Selepas itu, kami akan meninjau tahap kecergasan sebelum meminta pesilat memutuskan untuk bertanding dalam acara seni ataupun olahraga.

"Para pesilat kemudian akan menjalani ujian pertandingan sebelum dipilih mengikuti latihan skuad nasional," kata Sheik.

Bellau menegaskan, soal kedatangan juga akan ditimbang.

Beralih kepada para pesilat nasional musim lalu, Sheik berkata, semuanya tidak menghadapi masalah dengan ujian ini termasuk dua pemenang pingat emas, Abdul Kadir Ibrahim dan Zulfakar Ramli.

"Tetapi, berat badan Kadir nampaknya naik sebanyak 10 kilo. Ini mungkin kerana beliau kini menjalani latihan angkat berat.

"Ini bermakna Kadir mungkin bertukar kelas daripada E kepada Kelas F untuk kejohanan nanti," tambah Sheik.

YUSOFF RAHMAN